

02/12/1998

Media digesa didik masyarakat mengenai Aids

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa media supaya menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk mendidik masyarakat mengenai bahaya Aids.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ketika ini orang bercakap mengenai era maklumat dan kuasa media, penyebaran maklumat bagi mendidik masyarakat mengenai isu penting seperti menyekat perkembangan Aids, masih kurang.

"Saya gembira kerana kita ada anugerah. Ini kerana peranan yang dimainkan media. Peranan mereka tidak boleh diukur dan media harus mengiktiraf ini dan memanfaatkan kuasanya untuk menyebarkan pengetahuan sebanyak mungkin kepada orang ramai.

"Hari ini, kita bercakap mengenai kuasa media. Kita bercakap mengenai era maklumat, tetapi tidak cukup mengenai sesuatu yang penting seperti menyekat Aids.

"Saya berharap dengan anugerah seperti ini, media menyedari peranan penting yang boleh dimainkan bagi menyekat perkembangan Aids menerusi pendidikan," katanya dalam ucapan yang penuh emosi di majlis penyampaian Anugerah Media Riben Merah, di sini hari ini.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Sepanjang ucapan lebih 10 minit itu, Perdana Menteri kelihatan sebak khususnya apabila bercakap mengenai fenomena Aids di negara ini dan peranan media dalam mendidik masyarakat mengenai gejala itu.

Dr Mahathir menjelaskan, sewajarnya di negara seperti Malaysia, penyakit seumpama itu tidak harus wujud.

Katanya, ketika masih menuntut dalam bidang perubatan, beliau mempelajari pelbagai jenis penyakit berbahaya dan menganggap sudah mengetahui semua jenis penyakit berbahaya dan tidak akan ada lagi penyakit baru.

Bagaimanapun, katanya, kini penyakit Aids sudah mula merebak sehingga pada masa kini, dilaporkan kira-kira 6,000 orang dijangkiti HIV setiap hari.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluannya, Marina menjelaskan ketika ini, seramai 27,000 rakyat dilaporkan HIV positif dan semuanya dijangkiti virus berkenaan ketika masih kecil.

Justeru, katanya, generasi muda mesti dilengkapi dengan ilmu pengetahuan untuk melindungi diri daripada dijangkiti.

"Pengetahuan ini harus dimiliki golongan muda yang masih menuntut atau sudah tamat pengajian dan sebagainya.

"Sudah tiba masanya kita berhenti berbincang sama ada program seumpama itu harus diadakan di sekolah atau tidak. Lakukan saja. Setiap saat yang tertangguh menyebabkan generasi muda berada dalam bahaya.

"Ini adalah isu yang harus ditangani segera," katanya.

Pada majlis itu juga, wartawan majalah Jelita terbitan Berita Harian Sdn Bhd, Lily Haslina Nasir, berjaya menggondol hadiah bagi dua kategori.

Lily Haslina memenangi Anugerah Media Cetak Kategori Rencana Bahasa Malaysia bagi esei bertajuk Hidup Bersama Pesakit Aids : Pengakuan Seorang Ibu yang disiarkan pada September 1996.

Beliau turut memenangi Anugerah Media Cetak: Khas-Bahasa Malaysia menerusi laporan khas bertajuk Kemelut HIV/Aids pada keluaran yang sama.

Bagi setiap kategori, Lily Haslina meraih sebuah piala, wang tunai RM2,500 dan sijil.

(END)